KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	26.09.22	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	JMG			

Kawasan cerun bahaya perlu diwarta

Oleh ARIF AIMAN ASROL
aiman.asrol@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan perlu mewartakan kawasan-kawasan cerun yang kritikal bagi mengelak berlakunya bencana tanah runtuh pada masa depan.

Pengerusi Persatuan Aktivis Sahabat Alam (Kuasa), Hafizudin Nasarudin berkata, sehubungan itu satu jawatankuasa khas mesti ditubuhkan oleh kerajaan dengan penglibatan pelbagai agensi terlibat bagi menyelaraskan kerja-kerja melindungi kawasan geobencana.

Menurutnya, semua agensi terlibat disaran duduk dalam 'meja bulat' untuk membincangkan kawasan geobencana itu dengan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) membentangkan kawasan-kawasan kritikal dan terdedah kepada bencana.

"Kawasan geobencana ini memang tidak stabil dari segi semula jadinya disebabkan struktur tanah dan sebagainya tetapi kita tidak boleh salahkan faktor semula jadi semata-mata, perlu melihat faktor manusia juga. Kelemahan di negara kita, banyak lagi kawasan sensitif yang tidak diwartakan sebagai kawasan perlindungan.

"Apabila kawasan itu tidak diwartakan sebagai kawasan perlindungan, ia akan terdedah kepada projek pembangunan pada masa depan. Jika tidak dilindungi, dari segi undang-undang ia boleh dimusnahkan.

"Sebagai contoh Gunung Inas di Baling, Kedah, ia adalah kawasan geobencana dan sangat-sangat sensitif tetapi memandangkan ia tidak diwartakan dan diberi pula kepada syarikat swasta, itu yang terjadinya tragedi kepala air sebelum ini," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, *Mingguan Malaysia* melaporkan, JMG mengesan 254 cerun kritikal di seluruh negara berisiko menyebabkan kejadian tanah runtuh dan bencana alam yang boleh mengancam nyawa penduduk terutama menjelang musim tengkujuh.

Sementara itu, Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam (Peka), Damien Thanam Divean berkata, sehingga kini kerajaan belum mengiktiraf negara sekarang sudah mengalami masalah pelarian disebabkan perubahan iklim.

"Sebagai contoh, ramai orang mahu keluar dari kawasan-kawasan bencana seperti Karak, Pahang dan Hulu Langat, Selangor. Ramai sudah keluar serta ramai juga tidak keluar kerana tidak mampu.

"Kerajaan perlu mengambil iktibar untuk menambah kawasan hutan dan mengurangkan atau tidak langsung memberikan kebenaran untuk kayu balak di eksport ke luar negara. Walaupun kerajaan Pusat tiada kuasa untuk menghentikan kerajaan negeri membalak tetapi boleh menghalang aktiviti eksport tersebut," jelasnya.

Jelasnya, sekiranya aktiviti itu dihalang dan kerajaan negeri berhenti membalak di kawasan mereka, ia akan memberikan benteng yang lebih kuat untuk menghadapi atau menguruskan bencana.